

## CARA MEMOHON

- Mengisi borang permohonan (BL.3) yang disediakan di Kaunter Bersepadu 4 & 5.
- Sertakan 2 keping lakaran visual iklan yang akan dipasang/dipamer.
- Salinan lesen premis yang dikeluarkan oleh MPK.
- Salinan daftar perniagaan.
- Surat pelantikan daripada pengurus premis bagi memberi kebenaran untuk menguruskan permohonan kain rentang/banner.

## KADAR BAYARAN

1. Borang Permohonan BL.3 : RM 2.00
2. Permit : RM 5.00 bagi setiap helai (dalam tempoh sebulan)
3. Pelekat permit : RM 5.00 sekeping.
4. Wang Amanah :
  - 10 helai/kurang : RM 25.00.
  - 10 helai/lebih : 50% daripada jumlah permit.

## PERINGATAN

Wang amanah akan dikembalikan setelah pemohon/pelesen menurunkan kain rentang/banting dari tempat pemasangan dan resit asal bayaran wang amanah dikemukakan kepada MPK.

## DENDA

- Perniagaan tanpa lesen boleh didenda tidak melebihi RM 1,000.00.

*Atau*

- Penjara tidak melebihi 1 tahun atau keduanya.

*Dan*

- Wang amanah akan dilupuskan dan menjadi hak milik MPK.

## UNTUK KETERANGAN LANJUT

*Sila Hubungi:*

Bahagian Pelesenan  
Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan  
Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman  
24000, Kemaman  
Tel: 09-8597700/09-8597777  
Fax : 09-8595455

*Atau*


Majlis Perbandaran Kemaman  
Cawangan Kertih  
24300, Kertih, Kemaman.  
Tel : 09-8261427/09-8261830

<http://mpk.terengganu.gov.my>



**MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

## GARIS PANDUAN KAIN RENTANG/BANTING/ BANNER/POSTER



**Disediakan oleh:  
Bahagian Pelesenan  
Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan  
Tingkat 1  
Majlis Perbandaran Kemaman  
24000, Kemaman**

## PENGGUNAAN UNDANG-UNDANG KECIL (MDK) 1983

- UUK 3, Undang-undang Kecil Iklan (MDK) 1983:-
  - Setiap iklan hendaklah menggunakan Bahasa Melayu.
  - Bahasa lain boleh digunakan bersama Bahasa Melayu.
  - Jika menggunakan bahasa lain, Bahasa Melayu mestilah lebih besar, terang dan kelihatan lebih utama.
  - Bahasa Melayu hendaklah ditulis dengan betul dari segi ejaan, penggunaan tatabahasa dan terjemahannya.
  - Penggunaan tulisan jawi hendaklah di sebelah atas Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain.
- UUK 6, Undang-undang Kecil Iklan (MDK) 1983 :-
  - Tidak boleh mempamerkan papan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh YDP Majlis Perbandaran Kemaman.

## LOKASI & TEMPAT-TEMPAT PEMASANGAN

Tempat-tempat yang dibenarkan ialah:-

- Tiang-tiang lampu awam yang terletak di sepanjang divider/pembahagi jalan (bagi pemasangan banting/banner sahaja).
- Pada ruang pemasangan kain rentang berpusat yang telah disediakan iaitu:-
  - Kawasan Pejabat Daerah Lama.
  - Hadapan pintu masuk MPK.
  - Tapak Pejabat Kastam Lama, Jalan Sulaimani.
  - Persimpangan Jalan Jakar/Kubang Kurus.
  - Simpang Bandar Baru Kerteh.
  - Simpang Padang Astaka Kerteh.

- Pagar Dewan Bandaran dan Dewan-dewan Sivik Majlis Perbandaran Kemaman (jika aktiviti diadakan di dewan).
- Bangunan/premis-premis perniagaan milik persendirian/pemohon (pemasangan di premis persendirian hendaklah dengan kelulusan tuan punya bangunan/premis tersebut dan premis berkenaan hendaklah berlesen dengan MPK).



## TEMPAT-TEMPAT YANG DILARANG

- Pagar-pagar masjid/surau, sekolah, sekolah, bangunan-bangunan pejabat kerajaan dan taman rekreasi/permainan.
- Batang pokok/dahan-dahan pokok.
- Bangunan pasar-pasar awam, stesen bas/teksi, wakaf/pondok-pondok menunggu bus dan tempat-tempat awam.
- Di atas jejantas.
- Di atas jambatan.
- Tiang-tiang lampu isyarat.
- Tiang-tiang lampu pertama di persimpangan jalan/divider dan tempat-tempat pusingan 'U'.
- Papan tanda JKR dan lain-lain papan tanda di tepi jalan.
- Di bawah billboard.

Nota: Kecuali mendapat kelulusan MPK.

## SYARAT-SYARAT PEMASANGAN

Pemohon/pelesen hendaklah mematuhi syarat-syarat dan garis panduan berikut:-

- Pemasangan hendaklah dilakukan di tempat-tempat yang diluluskan oleh MPK sahaja.
- Pastikan permit kelulusan MPK diperolehi sebelum pemasangan dilakukan (permit hendaklah diperbaharui setelah tamat tempoh).
- Pelekat permit kelulusan hendaklah ditampal pada kain rentang/banting sebelum pemasangan dilakukan.
- Pastikan no. kelulusan, no. deposit dan tarikh tamat tempoh permit ditulis pada pelekat tersebut.

Nota : Untuk pengiklanan jualan ubat /rawatan hendaklah mendapat kelulusan daripada Unit Penguatkuasa Farmasi, Negeri Terengganu.

## TANGGUNGJAWAB PEMOHON/PELESEN

Pemohon/pelesen hendaklah memastikan:-

- Kain rentang/banting yang dipasang dalam keadaan sempurna, tidak jatuh, rosak, terkoyak dan sebagainya.
- Cara pemasangan tidak menghalang pandangan awam dan lalulintas
- Tidak dipasang secara bertindih atau menutupi mana-mana paparan mesej/visual iklan yang sedia ada.
- Iklan diturunkan oleh pemohon/pelesen sendiri setelah tamat tempoh (5hari dari tarikh tamat).

Nota: Sekiranya berlaku kehilangan banting/banner yang di pasang, pihak MPK tidak akan bertanggungjawab.